

PELAN PENGURUSAN RISIKO

PEJABAT DAERAH/ TANAH SEPANG



Bab 1: Pendahuluan

Ringkasan Eksekutif

Hala tuju Strategik

Bab 2: Proses Kerja Pengurusan Risiko

Bab 3: Mekanisme Pengurusan Risiko

Bab 4: Penutup

Bagi memastikan keperluan dan kesinambungan pelaksanaan sistem penyampaian, pengurusan risiko merupakan satu aspek pengurusan yang sangat penting dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

Dalam merangka Pelan Induk Pengurusan Risiko ini, dasar dan polisi yang menjadi rujukan utama adalah Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 2005 : Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1, 1998 dan Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook (MyMIS).

Pelan Induk Pengurusan Risiko Pejabat Daerah/Tanah Sepang ini telah dirangka bersesuaian dengan hala tuju strategik jabatan bagi memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra terlaksana. Justeru itu, Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dianggotai oleh pegawai pengurusan tertinggi jabatan bertindak sebagai pemantau akan mengawal selia setiap proses kerja di Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Perancangan dan pelaksanaan pengurusan risiko ini meliputi tempoh lima (5) tahun bagi tahun 2013 hingga 2017 dan kajian semula dan semakan akan dilaksanakan secara berterusan.

Objektif utama pelan ini diwujudkan ialah untuk mengenal pasti risiko serta menganalisa kesan dan akibat sekiranya sesuatu risiko itu terjadi. Perancangan seterusnya diatur bagi pelaksanaan tindakan-tindakan kawalan,

tindakan alternatif dan penambahbaikan dalam mengawal risiko tersebut daripada terus mengakibatkan impak yang buruk.

Pelan ini merupakan satu persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran jabatan dari pelbagai aspek. Pelan tindakan yang telah dirancang memerlukan komitmen dan penglibatan daripada semua pihak. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan cabaran dan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang.



VISI

- **Peneraju Pentadbiran Terbaik Ke Arah Sepang Maju, Sejahtera Dan Berkeadilan**

MISI

- **Memangkin Organisasi Melalui Perkhidmatan Yang Berkualiti dan Mesra Bagi Mencapai Pembangunan Holistik dan Seimbang**

MOTO

- **Cekap, Telus dan Mesra**

MATLAMAT

- **Tadbir Urus Yang Mantap Dan Berintegriti**



Definisi Risiko:

- Kecenderungan/kemungkinan berlakunya sesuatu perkara buruk kesan daripada pelaksanaan sesuatu tindakan (*The chance of something happening that will have an impact upon objectives*);
- Risiko boleh dikategorikan kepada jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kelemahan pengurusan;
- Kesan risiko termasuklah:
 - ✓ Kekurangan/kemerosotan amaun kutipan hasil;
 - ✓ Pembaziran penggunaan sumber kewangan/tenaga kerja/penggunaan masa;
 - ✓ Penerimaan barangan/perkhidmatan yang kurang berkualiti;
 - ✓ Ketidakadilan dan peningkatan aduan awam;
 - ✓ Dan
 - ✓ Menjejaskan imej organisasi dan keyakinan orang ramai.
- Proses kerja Pengurusan Risiko di Pejabat Daerah/Tanah Sepang boleh diringkaskan seperti berikut:
 - Menyenaraikan proses-proses utama dan objektif yang ingin dicapai;
 - Membuat analisa risiko;
 - Menilai kategori atau tahap risiko dari segi akibat atau kesan daripada ancaman yang wujud;
 - Menyediakan pelan tindakan urusan risiko atau langkah-langkah bagi mencegah risiko atau langkah penambahbaikan berserta pengukuran yang sesuai;
 - Membina petunjuk pengukuran/proses;
 - Penubuhan sistem pemantauan dan pelaporan pelaksanaan risiko;
 - Sentiasa membuat semakan semula; dan
 - Mengulangi proses-proses ini semula secara berterusan.

Mekanisme Pengurusan Risiko dilakukan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pejabat Daerah/Tanah Sepang yang terdiri daripada pegawai pengurusan tertinggi jabatan ini. Peranan utama Jawatankuasa ini ialah untuk membantu Pejabat Daerah/Tanah Sepang dalam menyelia operasi Pengurusan Risiko, mengenal pasti ketepatan perancangan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan risiko atau penambahbaikan yang diambil.

MESYUARAT JAWATAN KUASA

Pejabat Daerah/Tanah Sepang perlu mengadakan mesyuarat berkala, sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun dan melaporkan secara tetap kepada Pihak Pengurusan.


TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk:

- ✓ Mengkaji semula dan mengesyorkan strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko untuk kelulusan pihak pengurusan;
- ✓ Mengkaji semula dan menilai polisi pengurusan risiko dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengira, memantau dan mengawal risiko serta tahap keberkesanan kegiatan tersebut;

- ✓ Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi tersedia untuk pengurusan risiko berkesan iaitu memastikan bahawa pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko dapat menjalankan secara bebas daripada kegiatan mengambil risiko jabatan; dan
- ✓ Mengkaji semula laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

RAJAH PENGURUSAN RISIKO DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG



1. PENILAIAN RISIKO: Tindakan yang diambil oleh sesebuah jabatan bagi mengenalpasti aktiviti utama masing-masing :

- ✓ yang boleh terdedah kepada berlakunya sesuatu risiko semasa proses pelaksanaannya.
- ✓ membuat penilaian keatas mekanisme atau sistem kawal selia yang diguna pakai bagi menangani risiko tersebut.



2. Pengurusan Risiko:

- ✓ Usaha-usaha yang diambil oleh PDT Sepang bagi mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi sistem operasi/kawalselianya serta mengurangkan atau meminimumkan kesan risiko.
- ✓ Pengurusan risiko melibatkan proses:
 - i. Merangka dan mendokumenkan satu pelan tindakan bagaimana hendak menangani risiko tersebut.
 - ii. Menentukan pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksana dan memantau Pelan Pengurusan Risiko (PPR) berkenaan.



3. PERINGKAT PENILAIAN & PENGURUSAN RISIKO:



PROSES 1& 2

Mengenalpasti aktiviti utama PDT Sepang & Kenalpasti aktiviti utama yang boleh terdedah kepada risiko.

BAHAGIAN TANAH

- 1. Unit Pendaftaran/Pembangunan Tanah:** Memastikan semua urusan diselesaikan dengan cekap dan telus.
- 2. Unit Teknikal & Penguatkuasaan/ Undang-undang:** Memastikan penguatkuasaan dijalankan mengikut prosedur yang betul dan peraturan yang berkuatkuasa.
- 3. Unit Hasil:**Memastikan kutipan tunggakan cukai tanah mencapai 75% daripada sasaran tahunan dan cukai tanah semasa mencapai 95% daripada sasaran tahunan.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- 4. Unit ICT:** Memastikan semua sistem dan data jabatan berjalan dengan lancar dan selamat.
- 5. Unit Kewangan:**Memastikan kawalan kewangan dan prosedur dilaksanakan mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.
- 6. Unit Aset/ Keselamatan:**Memastikan keselamatan persekitaran dan harta benda jabatan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- 7. Unit Pembangunan Fizikal:** Memastikan pelaksanaan projek dijalankan secara cekap dan telus.

PROSES 3 & 4

Membuat Penilaian Risiko ke atas setiap Aktiviti Utama yang perlu dikawalselia & Membuat analisis jurang

Unit: Pendaftaran			
Aktiviti: Proses Pindah milik			
Apakah masalah yang boleh berlaku	Mengapa masalah itu berlaku	Akibat/Kesan kepada jabatan	Pelan Tindakan
Proses pindahmilik tidak mengikut prosedur	Kurang penyeliaan/pengawasan	Menjejaskan imej jabatan	Memberi penghayatan yang lebih dan memberi kesedaran kepada pelaksana
Unit: Penguatkuasaan			
Aktiviti: Tangkapan lori/mesin mengalih bahan batuan secara taksh Sek.426 KTN			
Kegagalanperlaksanaan penguatkuasaan	Kurang latihan/pengalaman	Menjejaskan imej jabatan dan pelanggaran undang-undang meningkat	Memberi latihan intensif dan pendedahan kepada kakitangan
Unit:Hasil			
Aktiviti: Kutipan Cukai Tanah Semasa			
Kutipan tidak diakaun dalam akaun Hasil	Sifat tidak amanah kakitangan	Mengurangkan jumlah kutipan	Mengenakan tindakan tatatertib dan membuat tindakan kawalan
Unit: ICT			
Aktiviti:Memastikan perjalanan dan keselamatan sistem dalam keadaan baik			
Gangguan dan kelemahan teknikal sistem/ perkakasan ICT	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Ketidaksempurnaan sistem Keselamatan Jabatan ✓ Kelemahan <i>coding</i> di dalam sistem. 	Mengganggu operasi PDT Sepang dan menjejaskan imej jabatan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mematuhi arahan keselamatan ✓ Mematuhi Dokumen Keselamatan ICT

	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kerosakan perisian dan perkakasan ✓ Kurang pengalaman/kepakaran dalam mengendalikan masalah teknikal luar jangka 		
Pencerobohan/ Penggodaman & Pencerobohan Server Aplikasi	Penyalahgunaan ID Pengguna/ Aset ICT	Menyebabkan ketirisan dan tiada kawalan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tukar ID Pengguna setiap 3 bulan ✓ Memasang peralatan keselamatan ICT
Unit Kewangan			
Aktiviti: Proses pembayaran			
Barang tidak dibekalkan seperti tidak dinyatakan dalam Pesanan Tempatan	Sifat tidak amanah kakitangan	Menyebabkan ketirisan dan tiada kawalan	Memastikan terimaan barangan disemak dengan sempurna sebelum bayaran dibuat
Unit: Aset/ Keselamatan			
Aktiviti:Kawalan aset dan stor			
Kehilangan aset	Kecurian dan kecuaiian kakitangan	Kerugian pada jabatan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mematuhi Dokumen Keselamatan ICT ✓ Mempertingkatkan kesedaran kepada kakitangan

Bencana kebakaran seperti	Litar pintas	Menyebabkan kerugian kepada jabatan dan mengancam nyawa kakitangan	Membuat pemeriksaan berkala dan menambahbaik peralatan sedia ada
Unit Pembangunan Fizikal			
Aktiviti: Pengurusan projek			
Kebocoran maklumat mengenai anggaran kos projek	Kurang kawalan keatas dokumen anggaran 2. Pakatan diantara orang dalam dengan penender 3. Pecah amanah dan kurang bertanggungjawab serta berintegriti	projek tergendala kerana kontraktor kurang berwibawa mendapat projek 2. Meningkatkan aduan orang ramai	Menanamkan sikap integriti kepada kakitangan dan membuat pusingan kerja atau pertukaran secara konsisten



PELAN TINDAKAN

PENGURUSAN RISIKO DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG

Unit	Risiko	Pelan	Tindakan	Sasaran	Pihak Bertanggung jawab
Pendaftaran	Proses pindahmilik tidak mengikut prosedur	Memberi penghayatan yang lebih dan memberi kesedaran kepada pelaksana	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menyediakan kursus berkaitan kepada kakitangan unit berkenaan ✓ Program Mentor Mentee 	Sepanjang tahun	BKP
Penguatkuasaan	Kegagalan pelaksanaan penguatkuasaan	Memberi latihan intensif dan pendedahan kepada kakitangan			
Hasil	Kutipan tidak diakaun dalam akaun Hasil	Mengenakan tindakan tatatertib dan membuat tindakan kawalan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Memastikan Lembaga Tatatertib bersidang ✓ Memastikan CCTV berfungsi ✓ Pemantauan oleh penyelia 	Sepanjang tahun	BKP/ Unit Hasil

Unit	Risiko	Pelan	Tindakan	Sasaran	Pihak Bertanggung jawab
ICT	Gangguan dan kelemahan teknikal sistem/ perkakasan ICT	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mematuhi arahan keselamatan ✓ Mematuhi Dokumen Keselamatan ICT 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Memantau pelaksanaan Dokumen Keselamatan ICT ✓ Membuat penyelenggaraan berkala 	Sepanjang tahun	Unit ICT
	Pencerobohan/ Penggodaman & Pencerobohan Server Aplikasi				
Kewangan	Barang tidak dibekalkan seperti tidak dinyatakan dalam Pesanan Tempatan	Memastikan terimaan barangan disemak dengan sempurna sebelum bayaran dibuat	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Membuat pusingan kerja ✓ Menyediakan kursus integriti 	Sepanjang tahun	BKP

Unit	Risiko	Pelan	Tindakan	Sasaran	Pihak Bertanggung jawab
Aset	Kehilangan aset	Mematuhi Dokumen Keselamatan ICT	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mempertingkatkan kesedaran kepada kakitangan ✓ Memantau pelaksanaan Dokumen Keselamatan ICT 	Sepanjang tahun	Unit Aset/Unit ICT
Keselamatan	Bencana seperti kebakaran	Membuat pemeriksaan berkala dan menambahbaik peralatan sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Membuat latihan kebakaran ✓ Memastikan sistem pendawaian dalam keadaan baik dan diselenggara ✓ 	Sepanjang tahun	Unit Keselamatan
Pembangunan Fizikal	Kebocoran maklumat mengenai anggaran projek kos	Menanamkan sikap integriti kepada kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Membuat pusingan kerja atau pertukaran secara konsisten ✓ Menyediakan latihan berkaitan integriti dan ceramah-ceramah agama 	Sepanjang tahun	BKP

Pelan Pengurusan Risiko Pejabat Daerah/Tanah Sepang dirangkan sebagai sebagai garis panduan kepada warga Pejabat Daerah/Tanah Sepang ke arah memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra dapat direalisasikan.

Oleh yang demikian, Pelan Pengurusan Risiko ini Pelan ini merupakan satu persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran jabatan dari pelbagai aspek. Pelan tindakan yang telah dirancang memerlukan komitmen dan penglibatan daripada semua pihak. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan cabaran dan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang.



